

Golongan LGBT usah buat permintaan melampau

Berita HARIAN / 07/09/2018

MAS 00

→ Malaysia iktiraf hak selagi tak bertentang agama, undang-undang

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop
hafizee@nstp.com.my

Ipoh

Golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) tidak sewajarnya membuat permintaan melampau sehingga menyebabkan masyarakat di negara ini berada dalam keadaan resah.

Ketua Akademi Kajian LGBT, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof

Madya Dr Rafidah Hanim, berkata permintaan seperti menggunakan tandas wanita dan orang kurang upaya (OKU) sudah pasti menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, ada beberapa perkara sudah dipersetujui Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia bagi Proses Semakan Berkala Sejagat (MACSA), antaranya LGBT tidak boleh didiskriminasi, namun dalam konteks negara ini ia mesti bersandarkan agama dan undang-undang.

"Mereka (LGBT) tidak boleh dizalimi, dipukul dan diambil tindakan tidak tentu serta tidak boleh menolak mereka daripada mendapatkan akses kesihatan dan perkara itu kita jelas kerana mereka tidak boleh didiskriminasi.

"Kalau maksud tidak didiskriminasi itu bertentangan (dengan peraturan), contohnya mereka mahu masuk tandas perempuan atau OKU, saya bantah kerana OKU juga ada hak.

"MACSA juga ada kumpulan



Mohd Azmi, Khalil Muammar (dua dari kanan) dan Rafidah pada Wacana Kesejagatan Ummah 2018 di Dewan Bandaran Ipoh, semalam.

OKU, mereka juga rasa perkara ini tidak patut kerana ini hak mereka," katanya selepas Wacana Kesejagatan Ummah 2018 di Dewan Bandaran Ipoh, di sini, semalam.

Selain Rafidah yang membincangkan tajuk LGBT dan Hak Asasi dalam wacana itu, tiga lagi tokoh turut membincangkan beberapa topik lain yang kini menjadi isu hangat di negara ini.

Antara topik lain ialah Kemerdekaan dan Kebertanggungjawaban Rakyat oleh Timbalan Mufti Perak, Zamri Hashim; Presiden Majlis Perunding Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Mohd Azmi Abdul Hamid (Institut Agama dan Raja-Raja Melayu) serta pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Prof Madya Dr Khalil Muammar A Haris (Pemikiran Liberalis dan Aliran Pemikiran Song-sang).

Perlu ikut kod pakaian

Rafidah berkata, pendiskriminasi-an juga tidak berlaku terhadap golongan itu membabitkan peger-



Saya juga perlu ikut kod berpakaian, jadi kumpulan LGBT mesti mematuhi undang-undang kerana undang-undang kata tidak boleh berpakaian silang jantina dan mana-mana majikan mesti ada kod berpakaian sendiri"

Rafidah Hanim,
Ketua Akademi Kajian LGBT,
INFAD, USIM

jaan dan mereka bebas memohon pekerjaan, namun perlu mematuhi kod berpakaian ditetapkan majikan.

Ikut kod etika berpakaian

"Saya juga perlu ikut kod berpakaian, jadi kumpulan LGBT mesti mematuhi undang-undang kerana undang-undang kata tidak boleh berpakaian silang jantina dan mana-mana majikan mesti ada kod berpakaian sendiri.

"Kenapa buat ketentuan keterlaluan sehingga membuatkan masyarakat resah, kenapa mahu berkebaya, skirt dan sebagainya, mahu tonjolkan identiti transgender jika pekerjaan itu lebih penting," katanya.

Katanya, negara ini hanya mengiktiraf hak LGBT selagi tidak bertentangan dengan agama dan undang-undang kerana negara tidak pernah bersetuju atau menandatangani perjanjian mengenai pengiktirafan hak golongan berkenaan pada peringkat antarabangsa.